



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PTPTN KEKALKAN PRESTASI CEMERLANG, DEPOSIT SIMPAN SSPN 2021 CECAH RM3 BILION**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) terus mengekalkan prestasi cemerlang sejak tahun 2018, terutama dalam menggalakkan budaya penabungan menerusi produk Simpan SSPN. Pencapaian ini selaras dengan Teras Strategik Pertama, Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 untuk menjadikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pendidikan yang utama di Malaysia.

#### **LONJAKAN DEPOSIT SIMPAN SSPN EMPAT (4) TAHUN BERTURUT-TURUT**

2. Jumlah deposit Simpan SSPN tahun 2021 adalah sebanyak RM3.01 bilion sekaligus memecah rekod pencapaian untuk tiga (3) tahun sebelumnya dan telah mencatat rekod baharu yang amat membanggakan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM1.02 bilion atau 50.95% berbanding deposit pada tahun 2020 sebanyak RM1.99 bilion.

3. Jumlah deposit Simpan SSPN bagi tahun 2021 telah berjaya mengekalkan portfolio cemerlang bermula tahun 2018 seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH DEPOSIT SIMPAN SSPN</b>	<b>PENINGKATAN</b>
2017	RM726.84 juta	-
2018	RM1.14 bilion	RM415.57 juta (57.17%)
2019	RM1.37 bilion	RM226.13 juta (19.79%)
2020	RM1.99 bilion	RM623.82 juta (45.58%)
2021	RM3.01 bilion	RM1.02 bilion (50.95%)

4. Jumlah keseluruhan deposit Simpan SSPN terkumpul sehingga 31 Disember 2021 ialah RM10.88 bilion. Terimaan deposit berjumlah RM3.01 bilion bagi tahun 2021 merupakan 167.08% berbanding sasaran tahun 2021 sebanyak RM1.8 bilion. Terimaan ini juga merupakan 27.63% daripada keseluruhan deposit yang diterima sejak Simpan SSPN diperkenalkan pada tahun 2004.

5. Bagi prestasi pembukaan akaun baharu Simpan SSPN pada tahun 2021 pula, sebanyak 421,281 telah dibuka berbanding sasaran tahunan sebanyak 400,000 akaun. Pencapaian ini adalah 105.32% berbanding sasaran tahunan. Secara keseluruhan, bermula tahun 2004 sehingga 31 Disember 2021 sebanyak 5.24 juta akaun Simpan SSPN telah dibuka.

6. Mengulas lanjut mengenai pencapaian berganda ini, Pengerusi PTPTN, Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata, "Saya memberi penekanan kepada usaha menanam budaya menabung apabila saya mula menjadi Pengerusi pada tahun 2018. Saya gembira kerana visi saya berjaya diterjemahkan oleh para pegawai PTPTN melalui kutipan deposit Simpan SSPN yang sudah empat (4) tahun berturut-turut mencatatkan peningkatan yang amat signifikan. Walaupun tahun lalu negara berhadapan dengan keadaan ekonomi yang tidak stabil, saya optimis bahawa tahap kesedaran masyarakat Malaysia khususnya golongan ibu bapa mengenai pentingnya memulakan penabungan dari awal sudah mula meningkat. Kita sudah mula berjaya. Buktinya, deposit Simpan SSPN meningkat lebih empat kali ganda sejak saya mula memberi lebih penekanan kepada usaha ini."

7. "Prestasi cemerlang ini adalah komitmen dan dedikasi keluarga PTPTN di semua peringkat termasuklah sokongan daripada seluruh Ahli Lembaga Pengurusan PTPTN. Usaha yang dilakukan ini perlu diteruskan secara konsisten dalam membentuk disiplin masyarakat ke arah membudayakan amalan penabungan. Kita telah jalankan kempen di bandar malahan juga di kampung-kampung. Kita akan teruskan dan saya sendiri akan turut serta dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan demi melunaskan tanggungjawab yang diberikan kepada saya dan PTPTN." tambah Datuk Wan Saiful lagi.

#### **MEMPERKASA PENDIGITALAN PTPTN**

8. Tahun 2021 memperlihatkan usaha PTPTN yang menyeluruh dalam penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan bersifat hujung ke hujung. Tidak terhad kepada urusan di portal rasmi PTPTN sahaja, PTPTN turut menyediakan tambahan kemudahan saluran bayaran balik dan penambahan simpanan secara dalam talian melalui kerjasama strategik seperti ShopeePay, BESTPay, KiplePay, KelantanPay, PayHalal, AnsaraPay dan SpayGlobal. Selain itu, saluran bayaran melalui perbankan internet seperti JomPay dan bank-bank terpilih serta perkhidmatan e-Pay turut disediakan di terminal lokasi terpilih untuk kemudahan pelanggan PTPTN.

9. Jelas Datuk Wan Saiful, “Selaras dengan Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 yang turut menumpukan kepada usaha pendigitalan PTPTN, inisiatif yang dilaksanakan ini adalah sebagai langkah awal PTPTN ke arah tersebut. Diterajui oleh Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, jelas sekali saya berbangga dengan kesungguhan dan dedikasi beliau dalam memastikan PTPTN berada pada landasan yang tepat mengikut peredaran teknologi semasa. Dari semasa ke semasa, PTPTN sentiasa mencari ruang dan peluang untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan seiring dengan norma baharu dan perkembangan dunia digital. Sudah tentu usaha ini tidak akan terhenti di sini. Kita akan terus mengembangkan idea meneroka transformasi pendigitalan secara komprehensif.”

### **MEMBANGUN MODAL INSAN KELAS PERTAMA**

10. Pada tahun 2021, PTPTN telah berjaya membantu seramai 140,977 pelajar yang ditawarkan melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) melalui pinjaman pendidikan yang diluluskan berjumlah RM3.51 bilion sehingga mereka tamat belajar. Daripada jumlah tersebut, seramai 70,412 pelajar atau 49.95% adalah dari golongan B40 dan kurang berkemampuan, melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM1.95 bilion. Pinjaman yang diberikan oleh PTPTN secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk merealisasikan impian mereka sekali gus menyumbang ke arah pembangunan modal insan kelas pertama.

11. Dalam memperkasakan budaya bayaran balik pinjaman dalam kalangan peminjam, PTPTN turut giat menjalankan pelbagai program dan promosi agar PTPTN mempunyai dana yang mencukupi untuk pembiayaan kepada generasi akan datang. Pada tahun 2021, jumlah bayaran balik pinjaman yang diterima adalah sebanyak RM2.36 bilion meningkat sebanyak RM1.01 bilion atau 74.53% berbanding tahun 2020 iaitu sebanyak RM1.35 bilion.

### **MENDEPANI CABARAN 2022**

12. “Bersandarkan moto baru PTPTN iaitu ‘Peluang Kejayaan Anda’, kami akan mendokong matlamat untuk menjadi agensi yang akan memberikan peluang kepada ibu bapa menyediakan simpanan sebagai tabung pendidikan bagi tujuan pendidikan tinggi. Hasrat saya ialah agar anak-anak dapat menikmati dan diberi peluang untuk merealisasikan impian dan cita-cita mereka di masa depan tanpa kekangan kewangan. Kejayaan PTPTN sebagai Tabung Pendidikan memerlukan perancangan jangka masa panjang dan usaha ke arah itu perlu konsisten. Saya juga yakin barisan pegawai PTPTN yang diterajui oleh Ketua Eksekutif PTPTN, Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid akan terus komited memastikan usaha mengubah stigma awam yang terlalu bergantung kepada pinjaman dapat diubah kepada budaya penabungan,” ujar Datuk Wan Saiful.

**Datuk Wan Saiful Wan Jan**

**Pengerusi**

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**31 Januari 2022**